**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah Malaysia where it all began

KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj Kami : PPNK.BN100-1/9/4(33)
Tarikh : 03 Rabiul Akhir 1442H
19 November 2020M

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato'/ YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 13/2020**
**GARIS PANDUAN BAGI INDEN KERJA YANG MELIBATKAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Surat Arahan Operasi Bil 12/2019** telah menjelaskan berkaitan kaedah pembayaran yang melibatkan nota debit di arahan bayaran di Sistem iSPEKS.

3. Berdasarkan surat arahan operasi tersebut, Jabatan/PTJ dikehendaki membatalkan inden kerja yang telah dikeluarkan sekiranya terdapat perbezaan harga pada inden yang telah dikeluarkan dengan harga kerja sebenar ( **Arahan Perubahan Kerja (APK)** ).

4. Bagi penambahbaikan proses sedia ada, Jabatan/PTJ **tidak perlu membatalkan inden kerja yang telah dikeluarkan**. Sebaliknya, hanya **mengeluarkan inden baharu bagi Arahan Perubahan Kerja yang berlaku.** Perubahan harga tersebut adalah tertakluk kepada Prosedur Perolehan yang telah berkuat kuasa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja.

5. Selain itu, bagi inden baharu yang dikeluarkan untuk penambahan kerja tersebut. Jabatan/PTJ hendaklah mencatatkan perihal pada inden kerja baharu dengan merujuk Inden Kerja Asal yang telah dikeluarkan.

**Perihal Inden Kerja**
**(Contoh:<u>20IEIK0300079</u>** – Penambahan kerja bagi Kerja-Kerja Melebar Jalan Kg.Kuala Janing/Kg Tengah/Perik (K16), Daerah Padang Terap, Kedah Darul Aman )

**Inden Kerja Asal**

/2...

6. Seterusnya, dengan adanya Surat Arahan Operasi ini, maka **Surat Arahan Operasi Bil 12/2019 terbatal.**

7. Kerjasama dan perhatian daripada YB Dato' Paduka / YB Dato'/ YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam memastikan pematuhan kepada Arahan Operasi ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M) )**
Bendahari Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman